

Harapan calon BN

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

menangi kerusi Bandar Raub cerah

HARAPAN Barisan Nasional untuk mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri Pahang Kawasan Bandar Raub yang menjadi rebutan antara calonnya, Encik Chua Hung Kim dan calon Dap, Encik Lip Tuck Chee atau Lip Ah Kow, Sabtu ini semakin cerah memandangkan kempen parti lawan sudah semakin lemah.

Pada mulanya kempen Dap berjalan agak rancak berbanding dengan kempen Barisan Nasional tetapi sekarang berubah bila Menteri Besar, Datuk Mohamed Najib Tun Abdul Razak sendiri bertungkus-lumus untuk memastikan kejayaan yang cemerlang.

Ini juga kerana kesediaan parti-parti anggota Barisan Nasional untuk mengembelikan tenaga setelah mengeneapkan perasaan tidak puas hati atas pemilihan calon.

Sikap itu mencerminkan kematangan parti dan para pemimpinnya yang dapat mengatasi perbezaan dan menyelesaikan sebarang masalah.

Dalam pilihanraya yang lalu, mendiang Encik Tan Liew Thong mendapat majoriti 1,819 undi ketika bertanding dengan Encik

KUANTAN, Khamis

Lip yang mendapat 3,566 undi berbanding dengan undi 5,385 yang diperolehi oleh Encik Tan.

Para pemerhati politik yang menjangka Barisan Nasional hanya mengharapkan pengaruh yang sedia ada di kawasan itu, sekarang mengubah fikiran berikutan kempen Barisan Nasional yang hebat dan sambutan yang mengalakkan terhadapnya.

Tumpuan

Umno yang menggerakkan anggota Pemuda dan Wanita, memberikan tumpuan kepada 2,575 pengundi Melayu dalam kawasan yang mengandungi 13,451 pengundi berdaftar itu kerana undi mereka dan seramai 1,954 pemilih India adalah undi penentu bagi kemenangan Barisan Nasional.

Kempen dari rumah ke rumah yang kini giat dijalankan oleh Umno di kawasan-kawasan Melayu dikatakan terpaksa juga bertugas menghapuskan pengaruh Pas yang dikatakan menghasut penduduk supaya jangan keluar mengundi.

Kalangan Umno di Raub yang pada mu-

lanya berkehendakkan calon mereka dicalonkan, telah memberikan jaminan akan membantu calon MCA itu untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional.

Apabila kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Bandar Raub menjadi kosong dengan kematian Encik Tan pada 25 April lalu, Umno melihatnya sebagai peluang untuk mendapatkan kembali sebuah kerusi Umno dan telah membuat usul bagi tujuan itu.

Tetapi, pucuk pimpinan telah memilih calon MCA bagi menggantikan calon MCA dan keputusan itu telah diterima dengan hati terbuka. Anggota-anggota Umno yang boleh dikatakan sudah tidak terkilan lagi lantas membantu melancarkan kempen.

Bagaimanapun, Encik Chua, 60, seorang anak tempatan boleh diterima kerana beliau rapat dengan masyarakat setempat dan cergas dalam MCA dan beliau adalah ahli jawatankuasa bahagian serta Pengerusi Dewan Perniagaan Cina Daerah Raub. Inilah kali pertama Encik Chua bertanding dalam pilihanraya.

Encik Lip, 40, seorang wakil insurans di Bentung, tidak mempunyai harapan untuk menemani ahli pembangkang tunggal di Dewan iaitu Encik Lim Ong Hang dari Dap yang mewakili kawasan Teriang. — Bernama.